




# KATA LALUAN

## Benteng Pertahanan Pertama



### Jaga Keselamatan

Kata laluan merupakan benteng pertahanan yang harus diberi perhatian oleh semua pengguna internet. Tujuannya untuk menjaga keselamatan semasa berada dalam talian. Kata laluan terbaik adalah yang mudah diingat dan susah diteka oleh orang lain. Langkah terbaik penggunaan kata laluan adalah dengan tidak menggunakan kata laluan yang sama bagi semua laman web. Namun mengingati kata laluan yang berbeza boleh menjadi satu cabaran kepada kita.

### Kenapa kita tidak boleh mengguna satu kata laluan yang sama untuk semua laman web?

Ini kerana jika seseorang menceroboh satu akaun, mereka mampu menceroboh akaun-akaun yang lain. Justeru, jangan menggunakan kata laluan yang sama untuk laman sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *YouTube*, dan lain-lain.

### Langkah-langkah untuk membina kata laluan yang kukuh:

#### 1. 100 kata laluan yang berbeza

Sebelum membuat keputusan untuk memilih kaedah rekaan kata laluan, anda harus ingat bahawa laman web berbeza memiliki peraturan kata laluan yang berbeza. Namun garis panduan ini adalah sama dan elok dipatuhi:

- kata laluan anda harus tidak kurang lapan abjad yang mengandungi gabungan huruf dan nombor.
- satu cara mencipta kata laluan yang unik ialah dengan memilih satu kata laluan yang boleh dijadikan kata laluan dasar.
- Gabungkan ia dengan nama laman web yang diguna. Contohnya, anda memilih "qwerty" sebagai kata laluan dasar. Jadi, kata laluan bagi akaun Yahoo anda ialah QWERTYUH. Kata laluan akaun facebook pula ialah QWERTYFCBK.

#### 2. Kaedah lain

Dengan menggunakan huruf yang sama pada permulaan semua kata laluan. Misalnya "initial" anda dan nombor kegemaran dengan tiga huruf pertama nama perkhidmatan yang digunakan. Dengan ini jika nama anda Zack Abdullah, kata laluan akaun Gmail anda ialah ZA22GMA dan untuk YouTube ZA22YOU. ("initial" nama samaran boleh dimasukkan untuk menambahkan kekuatan keselamatan kata laluan)

#### 3. Memilih Kata Laluan Dasar

- Huruf pertama dalam satu frasa atau nama lagu. Contohnya, jika menggunakan lagu popular Michael Jackson "Heal The World". Kata laluan dasar ialah "HTW". Nak ingat kata laluan hanya perlu nyanyi lagu ini.
- Guna susunan huruf pada papan kekunci seperti "YUI" atau "ZXCVC". Hanya perlu lihat papan kekunci untuk mengingati kata laluan.
- Untuk perlindungan tambahan, pilih kata laluan dasar yang senang diingat. Contohnya "initial" nama ibu, atau perkataan seperti "kuching". Kemudian alihkan jari anda satu baris ke atas apabila menaipnya. Jadi "kuching" akan menjadi "i7dy8ht".

Namun dalam menggunakan kata laluan berformula ini, terdapat sesetengah lama web memiliki syarat-syarat tersendiri. Misalnya tidak membenarkan huruf-huruf tertentu, perlu lebih daripada 12 huruf, nombor dan huruf, huruf sahaja atau nombor sahaja. Dalam situasi sebegini, perubahan perlu dibuat dan dicatat untuk laman web berkenaan.

### Kesimpulan

Kami harap panduan ini dapat membantu anda untuk memikirkan kata laluan yang baharu. Ingat, alam maya juga memiliki cabaran, risiko dan ancaman tersendiri. Lebih baik anda melindungi aktiviti di dalam talian.

Jika anda perlukan sebarang bantuan, sila hubungi Cyber999 melalui emel di [cyber999@cybersecurity.my](mailto:cyber999@cybersecurity.my) atau [mycert@mycert.org](mailto:mycert@mycert.org) dan talian telefon bimbit +6019 2665 850 pada bila-bila masa sahaja atau anda memerlukan lebih informasi, boleh melayari laman web [www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my) dan [www.cybersafe.my](http://www.cybersafe.my) untuk lebih informasi. Anda juga boleh menghubungi Talian Nur di 15999.